

# Calon bebas penting diri sendiri

KUCHING: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan ~~prakwaan~~ sesetengah calon bebas yang bertanding dalam pilihanraya umum kali ini bahawa mereka mendapat sokongan beliau sebagai satu pembohongan besar.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan menyokong mana-mana calon bebas, sebaliknya hanya menyokong calon Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh pelbagai parti komponen.

"Calon bebas adalah orang yang mahu mencari peluang untuk diri sendiri. Saya tidak akan menyokong orang seperti itu kerana mereka tidak boleh memberikan apa-apa khidmat sekalipun kepada rakyat.

"Mereka cuma mengutamakan kepentingan diri dan mahu jadi 'yang berhormat' untuk mendapat elaun wakil rakyat saja," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching sebelum berlepas ke Kota Kinabalu pagi semalam.

Beliau adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak dan Sabah. Kelmarin beliau merasmikan bangunan baru Pejabat Daerah Betong di Sri Aman sebelum mengadakan perjumpaan dengan pemimpin dan calon parti komponen BN di Sarawak di hotel terkemuka sini malam kelmarin.

Mengenai kemungkinan calon bebas yang menang dalam pilihanraya ini akan diterima menganggotai BN, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Maaf, kita tidak ada tempat untuk calon bebas.

"Seperti sebelum ini, calon bebas yang menang pada pilihanraya ini akan terus duduk di barisan pembangkang (dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri).

"Walaupun mereka mungkin menyokong kerajaan, kita tetap tidak akan menerima mereka kerana kita mempunyai disiplin dalam parti. Parti komponen BN yang menerima golongan itu akan dikenakan tindakan," katanya.

Ditanya apakah tindakan BN terhadap parti komponennya yang menaja calon bebas untuk menentang calon BN, beliau berkata, BN tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap parti komponen berkenaan.

Menurutnya, BN cuma akan menasihatkan parti komponen terbabit supaya memecat ahli mereka yang bertanding sebagai calon bebas itu.